

# SPRM mahu dekati kaum Cina

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memperbanyakkan program bagi mendekati rakyat, khususnya masyarakat Cina yang berusia bawah 25 tahun.

Langkah tersebut diambil berikutan kajian Persekutuan Persatuan Cina Malaysia (Huazong) mendapati 48 peratus responden Tionghua berusia 16 hingga 45 tahun tidak mengetahui kewujudan SPRM.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Shamsun Baharin Mohd. Jamil berkata, dapatan tersebut sama dengan hasil kajian suruhanjaya itu dengan

Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Beliau memberitahu, SPRM memandang serius hasil kajian tersebut bahawa kira-kira 78 peratus daripada responden menganggap adalah tidak salah menerima imbuhan daripada kontraktor.

“Sebagai agensi pencegahan rasuah dan selari dengan Akta SPRM, suruhanjaya ini akan mengadakan pelbagai program kesedaran anti rasuah untuk memupuk integriti dalam kalangan rakyat termasuk kaum Cina.

“Kami yakin dengan usaha menyeluruh ini akan membantu meningkatkan sokongan orang ramai

terhadap SPRM dalam usaha kerajaan memerangi jenayah rasuah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini Huazong mendedahkan 48 peratus responden Tionghua tidak mengetahui tentang SPRM dan menyarankan agar pindaan terhadap Akta SPRM dengan memasukkan sekali berkenaan liabiliti korporat.

Sementara itu, Shamshun memaklumkan selain meneliti cadangan Huazong itu, suruhanjaya akan meminda Seksyen 23 dan Seksyen 36 Akta SPRM yang dijangka dibentangkan di Parlimen tahun depan.